



SYABAS DAN TAHNIAH

**PENARAFAN BINTANG
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB - PBT)**





PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam Perak Amanjaya dan Salam Sehati Sejiwa kepada semua pembaca yang budiman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan izinnya kita dapat bersua kembali di dalam Buletin Majlis Daerah edisi kedua tahun 2017. Saya ingin mengucapkan setinggi - tinggi tahniah dan penghargaan kepada sidang redaksi yang telah berjaya menerbitkan buletin ini bagi memberi maklumat kepada orang ramai aktiviti serta program yang telah dilaksanakan oleh pihak majlis.

Saya selaku pengurusan tertinggi majlis amat bersyukur di atas kejayaan majlis kerana telah berjaya memperoleh kejayaan penarafan bintang pihak berkuasa tempatan. Pada tahun 2014, pihak majlis berjaya mendapat penarafan 4 bintang dan pada tahun ini majlis telah berjaya memperoleh penarafan 5 bintang daripada pihak KPPT. Kejayaan ini merupakan kerjasama yang baik daripada setiap jabatan dan usaha yang gigih daripada semua anggota kerja majlis dalam memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan serta stakeholders.

Majlis Daerah Kerian tidak boleh menjadikan kejayaan ini sebagai keadaan yang selesa kerana melalui pemarkahan yang diterima mendapat PBT lain juga terutamanya PBT Negeri Perak semakin serius dalam memastikan mereka juga adalah PBT yang terbaik dan bersedia bersaing dengan rakan - rakan PBT yang lain. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis Bandaraya Ipoh yang telah menjadi PBT terbaik Malaysia dan ini merupakan satu kebanggaan kepada Negeri Perak.

Saya berharap kejayaan yang diperoleh terutamanya daripada PBT yang lain ini menjadi batu loncatan kepada pihak majlis dalam meningkatkan lagi usaha memperbaiki kelemahan serta kekurangan yang ada dan menerapkan semangat ingin bersaing bagi menempa lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan pada masa akan datang

Sekian, Terima Kasih

Tn. Hj. Abd Khair Bin Hj. Ahamad

Yang Dipertua

Majlis Daerah Kerian

SIDANG RIDAKSI

PENAUNG :

EN. ABD KHAIR BIN HJ. AHAMAD

PENASIHAT :

EN. MOHAMAD RAZIF BIN HJ. RAMLI

KETUA EDITOR :

EN. AZIZUL NAZLI BIN HJ. ABD HADI

EDITOR :

PN. FATIMAH BINTI MAN

PN. SALIZA BINTI ISA

PN. NOORSHALINA BINTI PIN

EN. SHEIKH HALIM BINTI SAMSUDIN

EN. MOHD HAFIZ BIN YAHYA

PN. NORMEZURA BINTI MEHAT

PN. NOORSHEZAN BINTI SA'ADAN

PN. SOLEHAH BINTI SAAD

JURUGAMBAR :

EN. ZAINURUL HISHAM BIN ZAINAL ABIDIN

ISI KANDUNGAN

M/S 3 MAJLIS PENGANUCERAHAN PENARAFAN BINTANG PBT NEGERI PERAK 2016

M/S 10 SEMARAK LARIAN OBOR SUKAN SEA KE - 21 PERAK MY - O ASIA CUP 2017

M/S 4 SUMBANGAN BANTUAN AIDILFITRI 2017 CABUTAN TAPAK EKSPO DAN BAZAR RAMADAN

M/S 11 PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK MAJLIS IFTAR KSK

M/S 5 BENGKEL DAN TAKLIMAT KE ARAH PERAK YANG BERSIH

M/S 12 ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN PERAK AUDIT PENARAFAN BINTANG BAHASA PBT PENGUATKUSAAN IKLAN HARAM

M/S 6

M/S 13 MAJLIS PENYERAHAN CEK EX-GRATIA PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK IPOH – PADANG BESAR

M/S 7 PROGRAM KEBERSIHAN BANDAR

M/S 14 PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN JPP KERIAN PENGGAL 2017-2018 PERTANDINGAN GERAJ BAZAR RAMADHAN KURSUS DALAMAN WEB MEL

M/S 8 BENGKEL KE ARAH PERSIJILAN MS ISO 9001 : 2015 BENGKEL DOKUMENTASI MS ISO 9001 : 2015 KURSUS AUDIT DALAM

M/S 15 MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI

M/S 9 PERTANDINGAN BOLA SEPAK ANTARA JABATAN KERIAN HARIAN METRO MOUNTAIN BIKE GRAND PRIX 2017 PENYERAHAN KUNCI BANGUNAN PKNP

M/S 16 SEMARAK KEMERDEKAAN

Majlis Penganugerahan Penarafan Bintang PBT Negeri Perak 2016



14 Ogos - Majlis Daerah Kerian telah mencapai status PBT bertaraf 5 bintang setelah dianugerahkan sijil pencapaian penarafan bintang PBT oleh pihak KPPT. Anugerah disampaikan oleh YB. Tan Sri Noh Bin Omar Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertempat di Ipoh Convention Centre. Turut sama hadir di majlis berkenaan adalah YB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambray Bin Abd Kadir Menteri Besar Perak, YB. Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Dato' Sri Hj. Mohammad Bin Mentek.

Melalui markah yang diperoleh mendapat peningkatan peratusan yang diterima berbanding tahun 2014 berdasarkan audit yang dilaksanakan oleh pasukan penggredan daripada pihak KPPT. Selain itu peningkatan PBT di Negeri Perak yang memperoleh penarafan 5 bintang juga turut meningkat berbanding tahun sebelumnya.

Di majlis tersebut juga turut disampaikan watikah pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) di bawah kementerian berkenaan kepada Pengerusi JPP Negeri Perak dan sesi townhall bersama YB. Menteri.





SUMBANGAN BANTUAN AIDILFITRI 2017



PARIT BUNTAR

Tarikh : 15 Jun 2017 | Tempat : Pejabat Penghulu Mukim Parit Buntar



BAGAN SERAI

Tarikh : 15 Jun 2017 | Tempat : Pejabat Penghulu Mukim Bagan Serai

CABUTAN TAPAK EKSPO DAN BAZAR RAMADAN

Tarikh : 18 April 2017
Tempat : Dewan Seri Kerian



Bersama Membudayakan Kebersihan



Pihak Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu bengkel dan taklimat ke arah mencapai seruan kerajaan negeri bagi menjadikan Negeri Perak sebuah negeri yang terbersih di Malaysia. Bengkel dan taklimat ini menyasarkan kepada JPP, JKKK, KRT, NGO serta agensi kerajaan yang terdapat di dalam kawasan Daerah Kerian kerana jawatankuasa ini merupakan wakil kepada masyarakat di dalam lokaliti mereka.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk menyampaikan hasrat kerajaan negeri kepada pengetahuan masyarakat dan mendapatkan idea serta maklumat bagi menjayakan kempen "Perak Yang Bersih". Ini akan memudahkan perancangan sesuatu program di sesebuah kawasan melalui input - input yang diterima.

Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohamad Razif Bin Ramli (Setiausaha Majlis Daerah Kerian) dan sesi soal jawab juga turut diadakan di sepanjang program berkenaan. Majlis yang diadakan di Dewan Seri Kerian Parit Buntar tersebut dirasmikan oleh YB. Dato' Bakar Bin Mat Ali (Pegawai Khas YAB Menteri Besar).

BENGKEL DAN TAKLIMAT KE ARAH PERAK YANG BERSIH



Bersama Membudayakan Kebersihan



Tarikh
17 Mei 2017

Lokasi
Pasar Awam Kuala Kurau
Penglibatan
Persatuan Penjaja & Peniaga

Tarikh
19 Mei 2017
Lokasi
Pusat Penjaja Batu 5
Penglibatan
Persatuan Penjaja & Peniaga



Tarikh
20 Mei 2017
Lokasi
Pekan Bagan Tiang
Penglibatan
JKKK Megat Aris,
Bomba Sukarela

Tarikh
21 Jun 2017
Lokasi
Tapak Ekspo
Penglibatan
Ahli Majlis, NGO



Tarikh
28 Julai 2017
Lokasi
Bagan Serai
Penglibatan
Peniaga

Tarikh
18 Ogos 2017
Lokasi
Taman Pinggiran
Sg. Kerian
Penglibatan
Ahli Majlis
& Orang Awam



BER
Bersama Membudayakan Kebersihan

Bersama Membudayakan Kebersihan



PROGRAM KEBERSIHAN BANDAR

20 Mei – Dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan negeri bagi memastikan Negeri Perak menjadi negeri yang bersih, pelbagai usaha dan gerak kerja telah dilaksanakan sama ada dari segi pengenalan kepada kepimpinan, hebahan dana sebagainya.

Selain dari promosi dan hebahan, pihak Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama YB. Dato' Sham Bin Mat Sahat ADUN Alor Pongsu serta Ahli Majlis telah mengadakan satu program kebersihan bandar di mana pucuk kepimpinan telah turun padang untuk sama - sama membersihkan kawasan bandar bagi menjadi contoh kepada masyarakat.

Program tersebut diadakan di kawasan pekan Bagan Serai di mana lokasi pada hari berkenaan juga menjadi pasar minggu. Selain membersihkan kawasan, Yang Dipertua Majlis serta YB. Dato' juga turut memberi nasihat kepada para peniaga kepentingan dalam menjaga kebersihan selepas aktiviti perniagaan.



BENGKEL KE ARAH PERSIJILAN MS ISO 9001 : 2015

Pihak pengurusan majlis telah mengadakan satu sesi "brainstorming" bersama ketua jabatan serta pembantu tadbir bagi mendapatkan idea serta kaedah yang terbaik dalam memastikan Majlis Daerah Kerian diberi persijilan MS ISO 9001 : 2015. Program yang diadakan di Heritage Hotel Cameron Highland selama 3 hari 2 malam berkenaan turut dibantu oleh En. Mohamad bin Jaafar, konsultan yang dilantik bagi membantu memberi penerangan kriteria terbaru persijilan berkenaan.

Yang Dipertua Majlis Tn. Hj. Abd Khair Bin Hj. Ahamad dan Setiausaha Majlis En. Mohamad Razif Bin Ramli juga turut sama meluangkan masa mendengar pembentangan daripada setiap jabatan berkaitan skop persijilan setiap jabatan.



BENGKEL DOKUMENTASI MS ISO 9001 : 2015

Tarikh : 23 Mei 2017
Tempat : Dewan Seri Kerian



KURSUS AUDIT DALAM

Tarikh : 22 Ogos 2017
Tempat : Dewan Seri Kerian
Peserta : 20 orang

PERTANDINGAN BOLA SEPAK ANTARA JABATAN KERIAN



HARIAN METRO MOUNTAIN BIKE GRAND PRIX 2017

29 Julai – Satu kejohanan berbasikal Harian Metro MTB Grand Prix siri pertama telah diadakan bertempat di Bukit Merah Laketown Resort. Kejohanan yang diadakan pada setiap tahun ini sangat dinantikan oleh peminat lumba basikal lasak dan turut menjadi medan latihan kepada pelumba negara. Sebanyak 5 kategori dipertandingkan untuk kejohanan kali ini dan mendapat penyertaan melebihi 2000 peserta. Pentadbiran daerah mengucapkan setinggi tinggi penghargaan kepada pihak Harian Metro kerana memilih Daerah Kerian sebagai salah satu destinasi kejohanan kerana ia dapat membantu mempromosikan daerah ini sebagai salah satu destinasi pelancongan.



PENYERAHAN KUNCI BANGUNAN PKNP

Tarikh : 28 Ogos 2017
Tempat : Dataran Amanjaya Simpang 5





SEMARAK LARIAN OBOR SUKAN SEA KE - 21



5 Julai – Daerah Kerian telah terpilih untuk menjadi daerah pertama dari Negeri Perak untuk menerima Obor Sukan Sea. YB. Datuk Shahrul Zaman Bin Yahya (Exco Negeri Perak) telah menerima obor dari Negeri Pulau Pinang di sempadan antara negeri dan membawa obor berkenaan ke Dewan Merdeka Parit Buntar bagi tatapan penduduk setempat. Obor berkenaan seterusnya dibawa mengelilingi Daerah Kerian sebagai simbolik akan berlangsungnya Sukan Sea Ke - 29 di Kuala Lumpur sebelum dibawa ke sempadan daerah untuk diserahkan kepada wakil Daerah Larut Matang dan Selama.



PERAK MY - O ASIA CUP 2017

2 Mac – Sempena Tahun Melawat Perak 2017, pihak majlis dengan kerjasama Tourism Perak dan MEOSC selaku pengurus kejohanan telah menganjurkan satu kejohanan sukan lasak Labyrinth dan Orienteering bertempat di Pinggiran Sg. Kerian Parit Buntar .

Kejohanan ini menguji kemahiran peserta dalam pembacaan peta serta kompas dan kepantasan tiba di check point yang telah ditetapkan. Terdapat sedikit kelainan yang dilakukan pada kejohanan kali ini di mana satu acara relay berpasukan diperkenalkan . Acara ini belum pernah lagi dilakukan di peringkat sukan Orienteering Asia .

Sebanyak 250 atlet telah mengambil bahagian pada kejohanan ini yang melibatkan peserta dari Negara Hong Kong, Chinese Taipei, Indonesia, Brunei dan Singapura dan Atlet Malaysia. Hadiah disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Tn. Hj. Abd Khair Bin Hj. Ahamad dan Pegawai Daerah Kerian Tn. Mohd Sabli Bin Bakri.

Selain itu, turut juga diadakan satu bengkel khas bersama pelajar - pelajar sekolah bagi memperkenalkan sukan ini di peringkat akar umbi kerana sukan ini telah mendapat perhatian serta minat terutamanya di Eropah serta Negara Asia. Dalam sesi ini, para pelajar diberi taklimat oleh wakil pengajur dan para peserta yang bertanding juga turut datang menceritakan pengalaman sukan ini. Para pelajar juga diberi pendedahan untuk merasai konsep pertandingan serta kemahiran membaca peta.





PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK

22 Jun – Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Kerian telah melaksanakan program gotong - royong memasak bubur lambuk bertempat di perkarangan parkir majlis. Aktiviti tahunan ini melibatkan anggota kerja majlis yang berkelapangan untuk memasak dan mengedarkan kepada semua anggota kerja majlis. Yang Dipertua Majlis bersama - sama Ahli Majlis dan Ketua Jabatan Majlis turut sama membantu di dalam program berkenaan.



MAJLISIFTAR KSK

Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu majlis iftar dan perjumpaan bulanan sempena bulan Ramadhan Al - Mubarak. Majlis dimulakan dengan tazkirah oleh Ustaz Mohamad Uzair berkaitan keistimewaan bulan ramadhan berbanding bulan yang lain. Semua Ahli Majlis dan anggota kerja majlis hadir bersama keluarga masing - masing memeriahkan lagi majlis berkenaan dalam merapatkan lagi hubungan sesama anggota kerja.

ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN PERAK

30 Mei – Pihak majlis telah menyahut cabaran menyertai pertandingan inovasi PBT Negeri Perak dengan menghantar 2 penyertaan produk inovasi iaitu M - Reg dari Jabatan Khidmat Pengurusan dan sistem Q - File dari Jabatan Penilaian .

Pembentangan projek dijalankan di Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang diketuai oleh En. Emry Sazri Bin Mohd Isa. Pihak pengurusan berharap produk inovasi yang dihasilkan ini dapat dicalonkan untuk ke peringkat akhir.



AUDIT PENARAFAN BINTANG BAHASA PBT



PENGUATKUASAAN IKLAN HARAM



Jabatan Penguatuasa Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kerian telah menjalankan satu operasi menurunkan dan menghapuskan banting dan gegantung pinjaman tanpa lesen di dalam kawasan operasi majlis.

Operasi seperti ini dirancang dilaksanakan secara berkala bagi memastikan pengiklanan pinjaman tanpa lesen ini dapat dihapuskan dan memastikan kawasan bandar bersih daripada gegantung dan banting haram seperti ini.



MAJLIS PENYERAHAN CEK EX - GRATIA PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK IPOH – PADANG BESAR

3 Jun – Seramai 57 pemilik rumah berasa sangat lega kerana tuntutan mereka selama ini berkaitan isu pembinaan landasan berkembar dapat diselesaikan. Majlis penyerahan cek tuntutan Ex - Gratia bagi kes keretakan rumah disampaikan oleh YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir (Menteri Besar Perak) bertempat di Dewan Seri Kerian Parit Buntar.

Secara keseluruhan sebanyak tiga taman yang terlibat iaitu Taman Setia Jaya, Taman Damai dan Taman Seri Wangsa. Penduduk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri terutamanya keprihatinan YAB Menteri Besar berkaitan isu ini kerana ia telah berlarutan terlalu lama.

Melalui perbincangan kerajaan negeri bersama MMC Gamuda selaku kontraktor projek landasan berkembar Ipoh - Padang Besar dan pihak Majlis Daerah Kerian sebagai perantara telah bersetuju untuk menyerahkan cek tuntutan kepada pemilik rumah yang telah menandatangani surat persetujuan menerima jumlah berdasarkan laporan dan audit kerosakan yang telah dilaksanakan.



PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN JPP KERIAN PENGGAL 2017 - 2018

4 Julai – Satu majlis penyampaian watikah pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Daerah Kerian telah diadakan di Dewan Seri Kerian. Sebanyak 17 zon telah dilantik berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak KPKT manakala sebanyak 7 zon masih dalam proses di peringkat negeri.

Penyerahan watikah disampaikan oleh Pegawai Khas YAB Menteri Besar Perak Y.Bhg. Dato' Abu Bakar Bin Mat Ali . Turut sama hadir pada sesi berkenaan adalah En. Abdullah Bin Salleh (Ketua Whip Ahli Majlis dan Pegawai Unit Kesejahteraan Bandar).



PERTANDINGAN GERAI BAZAR RAMADHAN

Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Harta majlis dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kerian telah mengadakan Pertandingan Gerai Bazar Bersih untuk peniaga - peniaga di tapak bazar ramadhan. Pertandingan ini adalah sebagai salah satu usaha memastikan peniaga makanan mematuhi syarat yang telah diberikan dan menjaga kebersihan kawasan sekitar dan makanan. Pemenang akan menerima hadiah iringan dan mendapat keistimewaan untuk memilih lokasi tapak yang mereka inginkan untuk perniagaan pada tahun hadapan tanpa melalui proses undian tapak.



KURSUS DALAMAN WEB MEL

Tarikh : 11 Julai 2017
Tempat : Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian
Peserta : Melibatkan semua Pembantu Tadbir dan Ketua Jabatan



MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI

29 Julai – Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Majlis Daerah Kerian yang diadakan di perkarangan majlis disambut meriah dengan kehadiran hampir 1000 orang tetamu daripada agensi - agensi kerajaan, swasta, agensi teknikal, pihak sekolah, pihak kontraktor dan juga orang awam.

Pelbagai jenis juadah disediakan untuk tetamu yang hadir ke Majlis Ramah Mesra Aidilfitri ini dimana kesemua makanan disediakan oleh setiap jabatan yang terdapat di Majlis Daerah Kerian.

Pihak majlis juga menerima sumbangan banting sebanyak 100 unit daripada pihak Fiber UP Prebiotik sempena sambutan hari kemerdekaan untuk dipasang di dalam kawasan Daerah Kerian. Pihak majlis juga turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak - kanak yang hadir.



Semarak Kemerdekaan

MAJLIS DAERAH KERIAN



Majlis Daerah Kerian

No. 1, Wisma MDK,

Jalan Padang, 34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan.

Tel : 05 - 716 1228 Faks : 05 - 716 9268

